

06 APR 1999

PINJAMAN KEPADA KELANTAN BERSYARAT

KOTA BAHARU, 6 April (Bernama) -- Pinjaman mudah RM600 juta daripada kerajaan pusat kepada kerajaan Kelantan belum diserahkan lagi kerana ia tertakluk kepada beberapa syarat, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa.

"Untuk memberi pinjaman itu, (kerajaan Kelantan) perlu mengikuti peraturan dan dasar sedia ada iaitu kerajaan Kelantan perlu membuat perbincangan lanjut dengan Perbendaharaan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Jumaat lepas Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sepucuk surat kepadanya telah meluluskan pinjaman itu kepada kerajaan Kelantan bagi mengatasi masalah bekalan air yang dihadapi rakyat negeri itu sejak tiga tahun lepas.

Annuar berkata kerajaan pusat bersetuju memberi pinjaman itu setelah Nik Aziz membuat permohonan rasmi susulan daripada perbincangannya dengan Dr Mahathir ketika Perdana Menteri melawat Kelantan Januari lepas.

"Menteri Besar ada memohon daripada pusat meminta keutamaan dalam bantuan kewangan supaya kerajaan negeri dapat membetulkan kesilapan menswastakan air kepada Kelantan Water Sdn Bhd pada 1995," katanya.

Annuar berkata walaupun terdapat ramai penyokong BN tidak bersetuju dengan kesediaan kerajaan pusat itu, tetapi langkah itu dibuat "kerana kita bukan menolong PAS tetapi sebenarnya mahu menolong rakyat Kelantan".

-- BERNAMA

RAR MAI